

# NEVANAC Ophthalmic Suspension

Nepafenac 0.1% w/v

---

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Nevanac
2. Bagaimana Nevanac berfungsi
3. Sebelum menggunakan Nevanac
4. Cara menggunakan Nevanac
5. Semasa menggunakan Nevanac
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Nevanac
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Nevanac

Nevanac digunakan untuk merawat kesakitan dan keradangan yang berkaitan dengan pembedahan katarak. Mengurangkan risiko selepas makula operasi edema (bengkak pada makula, bahagian tengah retina yang terletak di bahagian belakang mata) yang berkaitan dengan pembedahan katarak pada pesakit kencing manis.

## Bagaimana Nevanac berfungsi

Nevanac mengurangkan kesakitan dan keradangan yang berkaitan dengan pembedahan katarak.

## Sebelum menggunakan Nevanac

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini sekiranya anda mempunyai alahan (hypersensitif) terhadap Nevanac atau kandungan yang lain dalam produk ini atau alahan kepada *non-steroidal anti-inflammatories* (NSAIDs).

- Sebelum menggunakan Nevanac

Sila beritahu doktor anda jika anda mengalami keadaan berikut:

1. gangguan mata;
2. kencing manis;
3. arthritis reumatoid;
4. pembedahan mata;
5. mata kering;

6. kecenderungan untuk pendarahan;
7. jangkitan mata.

Sila dapatkan nasihat doktor sebelum menggunakan Nevanac jika anda mengandung atau merancang anak atau merancang untuk menyusukan anak. Doktor anda akan pertimbangkan risiko yang anda hadapi apabila mengambil tablet Nevanac terhadap manfaat yang anda akan perolehi.

Sekiranya anda memakai kanta sentuh, sila tanggalkan sebelum menggunakan Nevanac. Anda juga tidak digalakkan memakai kanta sentuh dalam tempoh rawatan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat apabila diambil dengan Nevanac boleh mengganggu fungsi diantara satu sama lain. Ini termasuk: steroid topikal.

## Cara menggunakan Nevanac

- Berapa banyak harus digunakan

Dos yang disyorkan adalah 1 titisan dalam mata yang terlibat setiap 3 kali sehari mulai sehari sebelum pembedahan katarak dan pada hari pembedahan dan teruskan selama 2 minggu pertama tempoh selepas pembedahan.

Untuk mengurangkan risiko edema makular selepas pembedahan yang berkaitan dengan pembedahan katarak pada pesakit kencing manis, dos disyorkan adalah 1 titisan Nevanac dalam kantung konjunktiva mata yang terjejas setiap 3 kali sehari awal 1 hari sebelum pembedahan katarak, teruskan sehingga pada hari

pembedahan dan sehingga 60 hari selepas pembedahan seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Doc tambahan perlu diberikan 30 hingga 120 minit sebelum pembedahan.

Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Nevanac

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Nevanac.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

---

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Nevanac dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Sila berjaga-jaga sekiranya anda mempunyai atau pernah mempunyai kecenderungan untuk pendarahan atau menerima ubat-ubatan lain yang boleh meningkatkan risiko pendarahan.

Penggunaan kedua-dua NSAID dan ubat titis mata steroid boleh mengganggu proses penyembuhan. Elakkan penggunaan kedua-dua ubat ini.

Penggunaan NSAID topikal boleh menyebabkan keradangan kornea. Sila rujuk doktor anda jika anda mengalami tanda-tanda dan gejala keradangan kornea semasa menggunakan Nevanac. Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda mengetahui kesan Nevanac terhadap anda.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Nevanac boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Berikut adalah kesan-kesan sampingan yang boleh dialami oleh pesakit:

Gangguan Sistem Imun:

Jarang berlaku: hipersensitiviti

Gangguan Sistem Saraf

Tidak lazim: sakit kepala

Gangguan mata

Tidak lazim: keradangan kornea, kemerahan mata, mata berair, sensitif terhadap cahaya, pelepasan mata, alahan konjunktivitis, penglihatan kabur, mata kering, sakit mata, mata pruritus, lacrimation meningkat, margin kelopak mata kerak, terasa benda asing didalam mata.

Jarang berlaku: Keradangan iris, konjunktivitis, deposit kornea, gangguan kornea, fotofobia, keradangan kelopak mata, pengaliran & pembentukan cecair dalam mata, kemerahan konjunktiva, kerengsaan mata, gangguan kelopak mata, ketidakselesaan mata.

Tidak diketahui: ulser keratitis, lelasan kornea, kelegapan kornea, penyembuhan (kornea) terjejas, ketajaman penglihatan kekurangan, mata bengkak.

Gangguan Gastrousus

Jarang berlaku: loya, mulut kering

Gangguan Kulit dan tisu subkutaneus

Jarang berlaku: dermatitis alergi

Siasatan

Tidak diketahui: Tekanan Darah

Jika salah satu daripada kesan-kesan sampingan yang mungkin berlaku tersebut di atas, anda perlu menghentikan rawatan dan berunding dengan doktor anda. Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda mendapati apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*)

**Cara penyimpanan dan pelupusan Nevanac**

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan pada suhu 2°C hingga 25°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Nevanac adalah dalam bentuk cecair steril yang berwarna kuning muda atau kuning.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Nepafenac

Bahan tidak aktif

Mannitol, carbomer 974P, sodium chloride, tyloxapol, edetate disodium, benzalkonium chloride 0.005% (preservative), sodium hydroxide and/or hydrochloric acid and purified water, USP.

- MAL number:

MAL20081732A

**Pengilang**

ALCON LABORATORIES, INC.  
6201 South Freeway,  
Fort Worth, Texas 76134 USA

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Alcon Laboratories (M) Sdn Bhd  
9<sup>th</sup> Floor, Wisma Glomac 3,  
Kompleks Kelana Centre Point,  
Jalan SS7/19, 47301, Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia

**Tarikh kemaskini RiMUP**

20/07/2015

**Nomborsiri:**

BPFK(R4/1)200715/00216